

Program ini terbuka kepada calon yang mengikuti aliran Sains dan Sastera pada peringkat STPM, Matrikulasi/Asasi, dan Diploma/Setaraf. Setiap calon yang memohon untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sejarah) dengan Kepujian adalah tertakluk kepada Syarat Am Universiti dan Syarat Khas Program

a) Syarat Am Universiti

Lulus **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/Setaraf)** dengan mendapat sekurang-kurangnya **6C/Gred C** dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia** atau **Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai**;

dan

Lulus peperiksaan **Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)** dengan mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00** dan:

- Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am; **dan**
- Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain;

atau

Lulus **Matrikulasi/Asasi** dengan mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00**;

atau

Lulus peperiksaan **Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)** dengan mendapat sekurang-kurangnya **pangkat Jayyid**;

atau

Memiliki **Diploma** dalam **bidang pengkhususan yang relevan dengan program yang dipohon** dari institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Senat Universiti dan mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.50**;

dan

Memiliki **Sijil Malaysian University English Test (MUET)** dengan mendapat sekurang-kurangnya **Tahap Satu (1)/Band Satu (1)**.

b) Syarat Khas Program

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:

- Sejarah

dan

Mendapat sekurang-kurangnya kepujian **6C/Gred C** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:

- Mathematics//Additional Mathematics

dan

Melepassi tahap minimum ujian Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI)

dan

- Lulus temu duga yang ditetapkan